

**NO SOALAN : 81**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ANNUAR BIN HAJI MUSA  
[ KETEREH ]**

**SOALAN NO. 81**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah unit kediaman yang dibina namun masih gagal dijual di seluruh negara dan apakah tindakan bagi menyelesaikan isu terbabit.

## **NO SOALAN : 81**

### **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sehingga Mac 2019, daripada 120,309 unit rumah yang dilancarkan, sebanyak 32,936 unit rumah siap dibina tidak terjual di seluruh Negara.
2. Peratusan unit rumah siap dibina tidak terjual berbanding jumlah yang dilancarkan adalah sebanyak 27.3% dan peratusan ini menurun sebanyak 0.1% jika dibandingkan dengan suku keempat 2018 (117,783 unit dilancarkan dan 32,313 unit siap dibina tidak terjual pada suku keempat 2018).
3. Antara perancangan dan langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah unit rumah yang gagal dijual adalah seperti berikut:
  - a) Melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun/rebat (sekurang-kurangnya 10%) oleh pemaju swasta/PR1MA/ Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB);
  - b) Mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi tahun 2019;
  - c) Memberikan insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;

**NO SOALAN : 81**

- d) mencadangkan kepada pemaju untuk membuat kajian pasaran (*market study*) bagi memastikan pembangunan di sesuatu lokasi mengikut permintaan (*demand*);
- e) Menambah baik skim pembiayaan perumahan terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan.

Sekian, terima kasih.